

Hentikan tragedi perang!

VATIKAN: Beberapa jam selepas Amerika Syarikat menggugurkan bom di tiga tapak kemudahan nuklear di Iran, Sri Paus Leo XIV menyifatkan situasi di Timur Tengah itu sebagai “mencemaskan” dan berkata diplomasi adalah satu-satunya cara yang bertanggungjawab untuk maju ke hadapan.

“Setiap anggota komuniti antarabangsa mempunyai tanggungjawab moral: Hentikan tragedi perang sebelum ia menjadi jurang yang tidak dapat diperbaiki,” kata Sri Paus pada Jun 22 selepas doa Angelus di Dataran Sto Petrus bersama ribuan umat

Di Washington, pada Jun 21, Presiden Donald Trump mengumumkan bahawa

“tentera AS telah melaksanakan serangan besar-besaran ke atas tiga kemudahan nuklear utama dalam rejim Iran. Objektif kami, adalah memusnahkan kapasiti pengayaan nuklear Iran dan menghentikan ancaman nuklear yang ditimbulkan oleh penaja keganasan nombor satu dunia.”

Serangan bom oleh AS berlaku 10 hari selepas Israel melancarkan serangan ke atas kemudahan nuklear Iran dan infrastruktur ketenteraannya, menyebabkan Iran membalas dengan menembak peluru berpandu ke arah Israel.

Pegawai telah melaporkan bahawa serangan tersebut telah membunuh sekurang-

kurangnya 400 orang di Iran dan 24 orang di Israel.

Berucap kepada orang ramai di Dataran Sto Petrus, Sri Paus Leo berkata orang di seluruh dunia sedang berdoa dan menangis untuk keamanan.

“Ia adalah jeritan yang menyeru tanggungjawab dan akal budi. Kedua-duanya tidak boleh tenggelam oleh bunyi senjata. Tidak ada konflik yang jauh apabila maruah manusia dipertaruhkan.”

Selain itu, senario dramatik pengeboman Iran, penderitaan harian orang ramai, terutama di Gaza dan wilayah-wilayah lain, berisiko dilupakan apabila perhatian dunia

beralih ke tempat lain.

“Perang tidak menyelesaikan masalah, sebaliknya ia memperbesarkan masalah tersebut dan menghasilkan luka mendalam dalam sejarah masyarakat yang memerlukan generasi untuk sembuh,” katanya.

“Tiada kemenangan bersenjata yang dapat menggantikan kesakitan ibu-ibu, ketakutan kanak-kanak, masa depan yang dicuri.”

“Biarlah diplomasi membusukan senjata,” kata Sri Paus Leo. “Biarkan negara-negara merancang masa depan mereka dengan karya-karya keamanan, bukan dengan keganasan dan konflik berdarah!” **Media Vatikan**

Kita dipanggil untuk berbahagi roti

TAKHTA SUCI: Tuhan menerima, menguduskan, dan memberkati roti dan wain yang kita letakkan di atas altar, bersama dengan persembahan hidup kita dan mengubahnya menjadi Tubuh dan Darah Kristus, sebuah pengorbanan kasih untuk keselamatan dunia.

Sri Paus Leo XIV mengatakan ini semasa berucap pada Angelus, Jun 22, 2025. Dalam ucapannya, Sri Paus mengingatkan bahawa pada hari tersebut, di kebanyakan tempat, Gereja merayakan Tubuh dan Darah Kristus yang Maha Kudus, dengan bacaan Injil menurut Sto Lukas, yang menceritakan mukjizat lima roti dan dua ikan.

Petikan itu menggambarkan bagaimana Yesus, memberi makan kepada ribuan orang yang datang untuk mendengar-Nya dan mencari penyembuhan, mengajak para rasul untuk menawarkan kepada-Nya, meskipun sedikit ada dan kemudian memberkati roti dan ikan tersebut serta memerintahkan mereka untuk mengagihkannya kepada semua.

Bapa Suci mengingatkan bahawa hasilnya sangat menakjubkan, bukan sahaja semua orang menerima cukup untuk dimakan, tetapi terdapat juga lebihan yang banyak.

“Keajaiban ini, lebih daripada sekadar mukjizat, ia adalah ‘tanda,’” kata Sri Paus Leo yang mengagumi karya Tuhan yang “mengingatkan kita bahawa hadiah Tuhan — walaupun yang terkecil — akan berkembang dan berlipat ganda apabila dikongsi.”

Betapa bermaknanya menerima hadiah

“Dia, Sang Pencipta, yang memberi kita kehidu-

pan untuk menyelamatkan kita. Dia meminta salah seorang makhluk-Nya untuk menjadi ibunya, untuk memberinya tubuh yang rapuh, terhad, fana seperti kita — mempercayakan diri-Nya kepada-Nya seperti seorang anak.”

Dengan gerakan ini, Tuhan “sepenuhnya berkongsi kemiskinan dengan kita, memilih untuk menggunakannya untuk penebusan kita.”

Sri Paus Leo menyeru umat Kristian untuk merenung “betapa indahnya apabila kita memberikan hadiah — walaupun kecil, mengikut kemampuan kita — dan melihat bahawa ia dihargai oleh penerimanya.”

“Betapa bahagianya kita apabila kita merasakan bahawa, walaupun ia sederhana,” katanya, “hadiah itu mendekatkan kita kepada orang yang kita cintai.”

Pengorbanan cinta untuk keselamatan dunia

Dalam Ekaristi, kata Sri Paus, sesuatu yang serupa berlaku antara kita dan Tuhan, dengan pengudusan roti dan wain di altar, bersama dengan pengorbanan hidup kita, untuk mengubahnya menjadi Tubuh dan Darah Kristus bagi usaha menyelamatkan dunia.

“Tuhan menyatukan diri-Nya dengan kita dengan menerima dengan gembira apa yang kita bawa kepada-Nya dan mengajak kita untuk menyatukan diri kita dengan-Nya dengan menerima dan berkongsi dengan kegembiraan yang sama hadiah kasih-Nya.”

Sri Paus Leo memetik nasihat daripada Sto Augustinus, “Seperti dari banyak biji gandum, yang dikumpulkan bersama, dapat menghasilkan satu roti, begitu juga dalam kesepakatan kasih sayang, satu tubuh Kristus telah dibentuk.” **Media Vatikan**



Membenamkan wajah pada debu ...

Apakah yang anda lakukan apabila terluka atau kehilangan, yang membuat anda berasa tidak berdaya dan tiada apa yang boleh anda lakukan untuk memperbaiki keadaan?

Dan, apakah yang anda lakukan atau katakan apabila anda cuba menghiburkan seseorang yang amat sedih oleh kehilangan? Sebagai contoh, apakah yang anda katakan kepada seseorang yang menjaga orang tersayang yang sedang nazak? Apakah yang anda katakan kepada seseorang yang baharu sahaja kehilangan orang tersayang akibat bunuh diri?

Apakah yang anda lakukan atau katakan apabila anda tidak berdaya untuk melakukan apa-apa yang praktikal untuk memperbaiki situasi yang retak?

Penyair Rainer Marie Rilke pernah menerima sepucuk surat daripada seorang lelaki yang baharu sahaja kehilangan orang tersayang. Lelaki itu sedang bergelut dengan keputusan dan dengan tidak lagi bersemangat untuk mencari apa sahaja bagi mengubah hatinya yang hancur.

Rilke menulis: “Jangan takut untuk men-

derita — ambil berat beban itu dan kembalikan berat beban itu kepada bumi itu sendiri; gunung-gunung itu berat, lautan itu berat” (*Soneta kepada Orpheus*).

Kata-kata ini menggemakan kata-kata dari Kitab Ratapan (3:29) di mana pengarang petikan suci itu memberitahu kita bahawa kadang-kadang yang boleh kita lakukan hanyalah “merebahkan diri dengan muka dalam debu, mungkin ada harapan.”

Kadang-kadang yang boleh kita lakukan hanyalah ‘membaham debu’ dan menunggu! Kadang-kadang kita mesti mengembalikan berat kesedihan kita kepada bumi itu sendiri.

Adalah menarik bahawa kita boleh menerima kata-kata itu dan kesabaran yang diminta apabila kesakitan yang menimpa kita adalah fizikal dan bukannya emosi dan psikologi.

Sebagai contoh, jika kita mengalami kemalangan dan patah kaki yang teruk, kita hanya menerima bahawa, tanpa mengira kekecewaan, kita akan tidak berdaya untuk beberapa minggu atau bulan dan tiada apa yang boleh dilakukan mengenainya.

Kita mesti menerima situasi ini dan mem-

biarkan alam mengambil jalannya. Kita sering kali tidak menerima keretakan emosi dan psikologi dengan cara yang sama, yang merugikan kita.

Apabila hati kita patah, kita mahu penyelesaian dengan segera. Kita tidak mahu berkerusi roda atau menggunakan tongkat selama beberapa minggu atau bulan.

Tidak semua kehilangan dan patah hati adalah sama. Ada kehilangan yang kurang melumpuhkan, di mana walaupun terdapat tamparan pahit di hati, tetapi ada unsur-unsur penghiburan dan penyembuhan yang hadir yang memberi penghiburan kepada kita.

Sebagai contoh, di pengebumian orang tersayang yang hidup, walaupun kehilangannya kerana kematian namun pada tahap yang lebih mendalam kita sudah merasakan ketenangan tertentu, meskipun orang tersayang itu sudah tidak ada selama-lamanya di dunia.

Tetapi ada kehilangan di mana, untuk satu tempoh selepas itu, tiada penghiburan dan tiada kata-kata yang dapat menghapuskan kepahitan dan kesakitan kehilangan kita.

Sebagai contoh, saya pernah melihat ini pada beberapa majlis pengebumian seseorang yang mati akibat bunuh diri. Dalam saat yang penuh emosi itu, tiada apa yang boleh kita lakukan atau katakan yang akan mengangkat dari kesedihan hati orang tersayang yang ditinggalkan dan berduka.

Kata-kata yang diperlukan, kata-kata yang menyatakan iman dan harapan kita, akan berguna serta mungkin di kemudian hari akan memberi semangat, tetapi mereka kehilangan kuasa eksistensialnya apabila kesedihan begitu mendalam.

Saya teringat akan satu pengebumian yang saya hadiri beberapa tahun lalu. Wanita yang kami ucapkan selamat tinggal duniawi telah meninggal dunia akibat kanser, masih muda, berusia awal lima puluhan.

Tidak dapat dinafikan, suaminya sangat berduka. Di majlis resepsi selepas ibadat di Gereja, salah seorang rakan rapatnya, cuba

menghiburkannya, berkata kepadanya: “Dia bersama Tuhan; dia berada di tempat yang lebih baik.”

Walaupun si suami seorang yang beriman dan baharu sahaja keluar dari ibadat Gereja, berikut merupakan jawabannya, “Saya tahu anda berniat baik; tetapi itu adalah perkara terakhir yang saya perlukan untuk didengar hari ini.”

Kata-kata iman yang kita ucapkan antara satu sama lain dalam menghadapi kehilangan pahit dan kematian adalah benar. Wanita ini, tidak diragukan lagi, berada di tempat yang lebih baik. Tetapi dalam saat kesedihan yang mendalam, kata-kata tidak akan dapat memberi kesan emosi atau psikologi yang banyak.

Jadi, apa yang boleh kita tawarkan kepada orang lain dalam situasi seperti ini? Apa yang boleh orang lain tawarkan kepada kita apabila kita terlalu sedih?

Kita boleh menawarkan ketidakberdayaan kita, diri kita yang terdiam, ketidakmampuan kita untuk berkata atau melakukan apa-apa yang akan menghilangkan beban tersebut.

Dan mungkin tiada yang lebih berbuah dalam situasi tragis daripada empati yang mengalir keluar dari ketidakberdayaan bersama. Kita mungkin masih melafazkan kata-kata iman, tetapi kita perlu menerima bahawa ia hanya akan berbuah sepenuhnya kemudian.

Apa yang diri kita yang terdiam oleh kesedihan katakan dalam saat-saat ketidakberdayaan adalah apa yang dikatakan oleh Kitab Ratapan dan penyair Rilke: Kadang-kadang yang boleh anda lakukan hanyalah meletakkan mulut anda ke debu dan menunggu — dan dengan melakukan itu anda akan mengembalikan beban anda kepada bumi itu sendiri.

Paradoxnya, penerimaan terhadap beratnya beban boleh menjadi satu-satunya perkara yang dapat mengangkat semangat kita. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**



Dipanggil menjadi saksi belas kasihan Tuhan

Dalam melaksanakan perutusan-Nya sebagai Mesias, Yesus ternyata memerlukan bantuan manusia yang bukan sedikit! “Tuaian memang banyak, tetapi pekerjanya sedikit!” Ternyata fungsi manusia begitu dihargai Tuhan, sehingga Yesus meminta dan memanggil kita manusia sebanyak mungkin sebagai pekerja-pekerja ke tuaian itu.

Sebenarnya kekurangan paderi dan petugas Gereja adalah tidak mungkin bagi Tuhan. Tetapi kenyataannya kita selalu mengalami kekurangan paderi kerana sikap orang-orang yang tidak menyahut panggilan Tuhan secara serius.

Doa mohon panggilan untuk ikut mengambil bahagian dalam karya keselamatan manusia adalah keinginan Yesus sendiri, yang harus disahuti secara serius!

Dan menurut Injil, tugas yang diberikan Yesus kepada murid-murid-Nya terdiri dari dua hal ini: mewartakan Kerajaan Tuhan dan menyembuhkan orang sakit.

Panggilan oleh Yesus dikatakan dengan bahasa alkitabiah. Tetapi dalam istilah yang sederhana itu terungkaplah tugas yang sangat luas dan penting iaitu memperhatikan, menjangkau jiwa dan raga, mendengar, menghulurkan pertolongan kepada masyarakat, serta prihatin kepada orang yang sihat mahupun sakit. Untuk melaksanakan tugas atau perutusan terse-

but, Yesus juga menyebut syarat-syaratnya: “Pergilah! Camkanlah, Aku mengutus kamu seperti anak domba ke tengah-tengah serigala.”

Kita dipanggil bukan untuk berjuang dengan kekerasan melawan kekerasan, menggunakan tipu daya dengan tipu daya, dengan menggunakan saham atau modal wang yang besar, ataupun dengan organisasi yang lebih kuat, melainkan lebih dengan menggunakan senjata perdamaian, kesabaran dan pengorbanan.

Dari syarat-syarat itu ternyata bahawa utusan-utusan Kristus di dunia ini tidak harus sama dalam segala hal seperti orang-orang lain di dunia ini.

Ada perbezaan antara orang-orang yang hanya lebih mementingkan duniawi lainnya, dan orang-orang yang juga hidup di dunia, namun sesuai dengan iman mereka juga sekaligus mementingkan juga panggilan surgawinya.

Di dunia ini, antara negara-negara di dunia ini, Gereja sebagai lembaga atau negara bukan hadir seperti negara-negara lain yang berkuasa.

Secara duniawi, Gereja bergantung pada dirinya sendiri, ibaratnya tersisih sebagai kekuatan dunia, dan hanya dilindungi dan ditanggung oleh kekuatan dan kekuasaan Tuhan.

Oleh itu Yesus berkata: “Janganlah

membawa pundi-pundi atau bekal atau kasut”. Pada dasarnya, landasan untuk pelaksanaan tugas utusan Yesus bukan berupa keyakinan manusiawi.

Bukan berupa kepastian untuk menyiapkan bekal-bekal yang serba cukup. Bukan juga dengan memperhitungkan situasi yang serba aman. Mengapa? Kerana pada hakikatnya pelayanan jiwa (*cura animarum*) tidak tergantung pada persediaan dan kelengkapan material atau duniawi.

Murid-murid Yesus sebagai utusan-Nya harus bersikap biasa sahaja seperti apa adanya dan bergaul dengan sesama secara jujur, tanpa perhitungan dan rungutan. Kita sebagai manusia adalah alat Tuhan dan harus rela membiarkan diri untuk digunakan-Nya dengan segenap hati kita.

Yesus juga berbicara tentang dua hal atau sikap dasar setiap orang, yang mau menjadi murid-Nya: menerima atau menolak?

Ada orang-orang yang mahu menerima panggilan Yesus, untuk ikut mendirikan Kerajaan-Nya. Tetapi ada pula yang menganggap dirinya sebagai pengikut Kristus, namun tidak mendengarkan panggilan-Nya agar ikut mengambil bahagian dalam karya-Nya.

Yesus memanggil kita, umat Kristian, mengambil bahagian dalam karya pewartaan khabar gembira iaitu Injil, yang

HARI MINGGU BIASA KE-14

YESAYA 66:10-14C
GALATIA 6:14-18
INJIL LUKAS 10:1-12, 17-20

disebut evangelisasi.

Pewartaan khabar gembira Yesus bukan hanya berupa ajaran dengan kata-kata belaka, namun juga disertai perbuatan di segala lapangan hidup.

Gereja kita sungguh memerlukan kaum muda untuk panggilan menjadi imam atau memasuki kehidupan dan karya religius (sebagai biarawan-biarawati).

Seperti yang diseru oleh mendiang Sri Paus Fransiskus “Sukacita Injil”, kita semua bersukacita menerima khabar gembira dan seharusnya, sukacita Injil inilah yang harus mendorong kita semua tanpa kecuali, untuk meneruskan sukacita itu kepada semua orang.

Sukacita Injil itu dapat kita sampaikan kepada sesama kita dengan meneruskan belas kasihan Tuhan, membangun Kerajaan-Nya, memperhatikan, mendekati dan menolong sesama kita, siapa pun juga, yang memerlukan kasih Tuhan. **Msgr. F. X. Hadisumarta O.Carm.**



CSTN hargai perayaan etnik

NILAI, Negeri Sembilan: Gereja St Theresa (CSTN) baru-baru ini menganjurkan sambutan KAGAPE (Pesta Kaamatan, Gawai dan Panen) yang meriah dan bermakna. Acara ini sangat dinanti-nantikan khususnya para umat dari Malaysia Timur untuk meraikan perayaan tradisi mereka di sini.

Pesta KAGAPE di CSTN menawarkan platform kepada umat untuk meneruskan tradisi mereka sambil menyatakan kesyukuran atas hasil pekerjaan sehari-hari serta meraikan kekayaan tradisi pelbagai mereka.

Misa Kudus yang dipimpin oleh paderi paroki CSTN iaitu Fr Christopher Soosaipillai mengingatkan umat agar sentiasa mempromosi kesatuan dan hidup harmoni dalam kepelbagaian budaya.

Salah satu sorotan utama perayaan itu adalah pokok Ranyai yang menjadi simbol kehidupan, perpaduan dan kekuatan dalam budaya Malaysia Timur.

Menurut tradisi, pokok Ranyai yang melambangkan "pokok ke-

hidupan," didirikan di rumah panjang sepanjang perayaan Gawai Dayak di Sarawak.

Ia berfungsi sebagai tumpuan untuk perayaan, dihiasi dengan pelbagai jenis makanan, minuman, dan barang-barang lain yang disumbangkan oleh keluarga-keluarga di rumah panjang.

Pesta KAGAPE di CSTN juga memperlihatkan keharmonian kepelbagaian budaya komuniti Malaysia Timur dalam kalangan komuniti tempatan.

Kekayaan budaya itu dihidupkan melalui busana, tarian dan makanan tradisional mereka.

Rita Rachel, yang mewakili jawatankuasa penganjur acara tersebut, berkongsi pendapatnya, "Perayaan ini adalah ungkapan yang indah tentang keamanan, kegembiraan dan perpaduan."

Tambahnya, "Setiap tahun, perayaan ini dinantikan kerana ia mengingatkan kita bahawa meskipun latar belakang kita berbeza, semua adalah sebahagian daripada satu keluarga dalam Kristus."



Kasih Tuhan menyatukan perbezaan

RAWANG: "Kepelbagaian Disatukan Dalam Kasih Tuhan" merupakan tema perayaan KAGAPE (Kaamatan, Gawai dan Panen) yang diadakan pada Jun 15, di Gereja St Jude.

Perayaan ini dimulakan dengan Misa Kudus sempena Hari Raya Tritunggal Mahakudus yang dipimpin oleh Fr Simon Labrooy.

Dalam homilinya, Fr Simon menyatakan bahawa misteri agung satu Tuhan dalam tiga Peribadi: Bapa, Putera, dan Roh Kudus — bukan sekadar konsep teologi untuk difahami, tetapi suatu hubungan yang perlu dialami.

Jelasnya, "Tritunggal adalah kesatuan, kasih, dan komuniti — Tuhan yang wujud bukan secara terencil, tetapi dalam persekutuan kasih yang abadi."

Paderi itu mengajak hadirin untuk merenungkannya dalam konteks perayaan Gawai (Sarawak), Kaamatan (Sabah), dan Panen (komuniti Dayak dan peribumi Borneo) di mana perayaan menuai ini adalah bersifat komuniti, melibatkan keluarga besar dan seluruh kampung dalam ucapan syukur, tarian, upacara dan

perkongsian makanan serta cerita.

Selepas perayaan Misa Kudus, para bapa di jemput ke hadapan untuk menerima berkat sempena Hari Bapa.

Sambutan perayaan KAGAPE diteruskan di dewan Gereja. Semasa sesi ucapan, Fr Jonathan Rao yang mewakili paderi paroki St Jude menyeru agar umat paroki terus berusaha mengekalkan kesatuan.

Fr Jonathan mengatakan "Semangat kebersamaan (*sense of belonging*) perlu ada dalam diri setiap umat terutama komuniti umat berbahasa Melayu agar perasaan seperti rasa tersingkir, tidak dipedulikan — dapat dielakkan."

Beliau juga meneguhkan bahawa dalam nama Tuhan Yesus semua umat telah disatukan dan semua adalah layak untuk datang bersatu dengan orang sebagai satu Tubuh Kristus.

Perayaan ini diakhiri dengan acara "Ngiling Bidai" yang dalam bahasa Iban bermaksud "menggulung tikar" iaitu simbolik kepada penutupan perayaan diikuti dengan doa penutup. **Sr Sylvia Stanis**



Pentahbisan imamat kali ketiga di Telupid

TELUPID: Umat di paroki Sto Martin bersyukur kerana mereka tidak menunggu terlalu lama untuk menerima seorang lagi paderi kelahiran daerah Telupid pada Jun 8, 2025.

Selepas Fr Christopher Ireneus (2016) dan Fr Arthur John (2022) ditahbis di paroki St Martin, Rev Ricki Boy Hasim turut menerima Sakramen Imamat di Gereja yang sama, oleh Uskup Julius Dusin Gitom.

Sebelum menyahut panggilan suci ini, Fr Ricki menimba pelbagai pengalaman kerja dalam beberapa sektor perladangan kelapa sawit. Namun, semangat dalam jiwa untuk bekerja di ladang Tuhan yang lebih luas mendorong beliau meninggalkan kerjaya lama demi menjawab panggilan Tuhan.

Uskup Julius dalam ucapannya pula menahbiskan penghargaan kepada semua yang hadir memberikan sokongan dan sempat memberi pesanan ringkas namun bermakna, "Don't spoil him."

Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada ibu bapa Fr Ricki atas keberanian mempersembahkan anak lelaki mereka kepada Gereja serta menggalakkan ibu bapa lain untuk melakukan hal yang sama.

Uskup Julius seterusnya mengumumkan bahawa Fr Ricki diutus untuk melayani di paroki Holy Trinity, Tawau.

Dalam ucapannya selepas ritus pentahbisan, Fr Ricki Boy sempat

mengenang zaman mudanya yang kelam dan bagaimana rahmat Tuhan disia-siakan.

Namun, seperti 'anak yang hilang' kembali kepada bapanya, beliau menyedari kesilapannya lalu kembali ke pangkuan Gereja dengan kerendahan hati.

"Tegurlah saya bila saya salah. Muka ganas tapi dalam hati ada taman," katanya sambil menyeru agar umat terus mendoakannya dan rakan-rakan paderi agar terus kuat dalam pelayanan.

Kisah panggilan Rev Ricki

Rev Ricki Boy Hasim dilahirkan pada Oktober 23, 1992 di Kg Penimbangan Baru, Jalan Sapi, Nangoh, mempunyai seorang kakak perempuan serta dua orang adik lelaki.

Tahun-tahun persekolahannya bermula dari 1997-2011 di pelbagai sekolah, bermula dari Tadika Pamol, SK Pamol, SK Ulu Sapi, SMK Ulu Sapi dan SMK Telupid.

Semasa membesar, Ricki bukanlah seorang yang selalu ke Gereja namun ibu bapanya yang merupakan penganut Katolik yang taat, sentiasa menunjukkan kepadanya kegembiraan kasih Yesus.

Selepas Tingkatan 6, Ricki mendapat pekerjaan di ladang kelapa sawit dan menjadi pembantu lapangan latihan selama empat tahun.

Panggilannya untuk menjadi paderi bermula pada tahun 2012. Dia teringat bahawa dia tersentuh

melihat mendiang Fr Jasery Emmanuel Gabuk yang merayakan Misa di dua buah kapel berbeza di paroki St Martin dan mendengar pengakuan dosa walaupun sangat letih.

Ketika dia memberitahu keluarganya bahawa dia ingin menjadi seorang paderi, ibu bapanya menerima sepenuhnya. Ibunya sangat bersyukur meskipun bapanya agak skeptikal.

Ricki memasuki Rumah Pembentukan Aspiran pada tahun 2016. Tahun berikutnya, pada tahun 2017, dia menjalani Tahun Inisiasi di St Peter College Kota Kinabalu, kemudian meneruskan Tahun Falsafah di Kolej General di Pulau Pinang (2018-2019).

Dia menerima latihan Tahun Teologinya di Kolej St Peter di Kuching, Sarawak (2020-2024). Dalam "batch" seminariannya, hanya dia yang bertahan dan akhirnya ditahbis sebagai paderi.

Latihan pastoral telah membawanya ke St Dominic, Lahad Datu (2018 dan 2019); Holy Trinity, Tawau (2020); St Stephen di Bau, Sarawak (2021); Holy Trinity, Tawau (2022); Our Lady of Fatima, Beluran (2023); St Mary's Cathedral, Sandakan (2024) dan St Dominic, Lahad Datu (2024-2025).

Pada 20 November 2024, Rev Ricki telah ditahbis sebagai diakon oleh Uskup Julius semasa misa harian di Katedral St Mary.

Pesta Malam Khabar Gembira di KSFX

KENINGAU: Lebih 500 umat Katolik dari pelbagai Komuniti Kristian Dasar (KKD) dan belia berhimpun sempena Pesta Malam Khabar Gembira dan Pentakosta 2025, di Dewan MPP St Francis Xavier (KSFX) pada Jun 8.

Program tahunan ini dianjurkan oleh Komiti Kateketikal KSFX dengan kerjasama KKD bagi meraikan para krismawan dan krismawati serta memperbaharui semangat evangelisasi dalam kalangan umat.

Acara bermula dengan ketibaan Uskup Cornelius Piong, Fr Bede Antonius, para religius, Jawatankuasa MPP Paroki, pengerusi dan timbalan pengerusi penganjur, para pembimbing, krismawan dan krismawati dan serta peninjau baharu (mereka yang ingin memasuki Gereja Katolik).



Dalam ucapan perasmian, Uskup Cornelius menekankan pesan utama Pentakosta — bahawa kekuatan untuk mewartakan Khabar Gembira datang dari Roh Kudus.

Prelatus itu menggariskan tiga elemen penting dalam penginjilan: berkumuniti, ambil peduli dan membangun umat yang setia ber-

saksi bagi Kristus.

Sebagai simbolik perasmian, Bapa Uskup menyerahkan lilin kepada para Pengerusi KKD yang hadir sebagai lambang membawa cahaya Kristus dalam komuniti masing-masing. Majlis diakhiri dengan doa penutup yang dipimpin oleh Fr Bede Antonius. **Wilfred**

Sahabat kecil Yesus



Anak-anak yang dikasihi,

Hello, apa khabar? Dalam bacaan Injil pada hari Minggu ini, Yesus mengutus tujuh puluh dua murid untuk memberitahu orang-orang di kota dan di mana sahaja bahawa Tuhan akan datang, dan untuk menyembuhkan orang sakit.

Anak-anak, Tuhan memerlukan ramai pembantu. Pembantu itu bukannya dalam bentuk benda, teknologi atau aplikasi. Pembantu yang Tuhan mahukan ialah kita semua. Tuhan memerlukan orang-orang untuk membantu-Nya ke seluruh dunia bagi memberitakan Khabar Sukacita.

Adakah anak-anak tahu siapa orang-orang ini? Mereka adalah para paderi, biarawan dan biarawati serta para misionari yang bekarya untuk membawa orang kepada Yesus.

Adakah anak-anak terfikir bahawa Tuhan mungkin memanggil anak-anak untuk menjadi pekerja di ladang-Nya.

Berdoalah setiap hari agar kita tahu bagaimana kita dapat melayani Tuhan dengan sebaiknya.

Juga berdoalah agar Tuhan mengutus lebih ramai paderi, religius dan misionari untuk membawa Berita Baik.

Salam Sayang
Antie Melly



F O P B M K
L O K E R A J A A N
P E K E R J A V C Z
J K S E R I G A L A
L M V E W Q O P I
T U A I A N D S O J
F C D O M B A X E
U D A M A I L P P
K S E J A H T E R A
H S S D V B M K M
Q C R U M A H

RUMAH
TUAIAN
PEKERJA
SERIGALA
DOMBA
DAMAI
SEJAHTERA
KERAJAAN

Las Melly

Cari Perkataan Tersembunyi

GUNTING DAN LEKATKAN WAJAH KANAK-KANAK PADA GAMBAR GEREJA DI BAWAH.



BELAS KASIHAN LEMAH LEMBUT



BENCI
KASIH
DAMAI



SABAR
TIDAK PEDULI
AMBIL PEDULI

Tiadalah lagi orang Yahudi atau orang Yunani, hamba atau orang merdeka, lelaki atau perempuan, kamu semua menjadi satu dalam Kristus Yesus (Galatia 3:28)

Cari jalan bagi dua orang kanak-kanak pada gambar di atas untuk menceriakan rakan mereka yang bersedih. Ada beberapa kata sifat pada gambar di atas, warnakan kata sifat yang baik dan pangkah kata sifat yang tidak baik.



BELIA

SETIAP ORANG YANG MENERIMA SAKRAMEN KRISMA, MENERIMA KEHADIRAN ROH KUDUS YANG NYATA DALAM HIDUPNYA

SOOK: Jun 8, 2025 merupakan tarikh bersejarah bagi paroki Roh Kudus Sook kerana gereja ini bukan sahaja merayakan Hari Pentakosta tetapi juga merayakan tiga lagi perayaan besar iaitu Hari Paroki, Hari Kesyukuran Penerimaan Krisma, dan

Pelancaran Ziarah Jubli.

Misa Kudus dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong. Dalam homilinya, Uskup Cornelius mengingatkan kepada 128 calon krisma bahawa kita menerima Roh Kudus semasa dibaptis.

Dalam perayaan Ekaristi itu, Bapa Uskup mengajak umat untuk terus berusaha belajar, memahami dan mengerti peranan Roh Kudus dalam diri setiap hari.

Prelatus itu juga menyatakan tiga peranan Roh Kudus iaitu:

1. Penolong: Roh Kudus memainkan peranan untuk menolong dan bangkit kembali tanpa mengenal erti putus asa serta membangun harapan dalam diri.

2. Mengajar dan menerangi akal budi. Kemampuan manusia ada hadnya tetapi Roh Kudus membantu kita untuk bijak-sana menyelesaikan masalah dengan memihak pada kehendak Tuhan.

3. Memampukan kita mengenal ajaran Kristus. Seperti para pengikut Kristus yang berani bersaksi tentang Yesus, maka seperti itu jugalah kita, umat Tuhan pada masa kini untuk berani hidup dalam kesatuan, kesetiaan dan kekudusan Yesus Kristus. Tetap bersukacita walaupun menghadapi pelbagai cabaran kerana Roh Kudus sentiasa hadir dalam kalangan kita.

Uskup Cornelius juga mengingatkan para calon krisma untuk berbangga dengan identiti mereka sebagai pengikut Kristus, bukan sahaja melalui perkataan atau semasa berada di Gereja, tetapi di mana sahaja khususnya di perantauan.

Beatlvina Bianus



VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyeru para belia untuk menjadi "pelita harapan" dalam dunia yang sering dibebani oleh perpecahan dan keputusasaan.

Kata-kata itu ditujukan kepada ribuan orang muda yang berkumpul di Rate Field, asal mula pasukan *Chicago White Sox Major League Baseball*, pada Jun 14 lalu, untuk perayaan gembira yang dianjurkan oleh Keuskupan Agung Chicago bagi menghormati pelantikan anak tempatan mereka, Sri Paus Leo XIV.

Dalam pesan videonya, Sri Paus Leo yang juga mantan Uskup Agung Chiclayo, Peru, menyatakan rasa terima kasih dan memberikan galakan iman kepada golongan muda di kampung halamannya dan di seluruh dunia.

Acara tersebut, yang diadakan pada Hari Raya Tritunggal Mahakudus, turut dihadiri oleh Kardinal Blase Cupich, uskup-uskup pembantu, klerus, keluarga, dan belia dari seluruh Keuskupan Agung.

Dalam pesannya, Bapa Suci Leo merenungkan kepentingan Tritunggal sebagai model cinta dan kesatuan ilahi. "Tiga peribadi tetapi satu Tuhan, hidup bersatu dalam kedalaman cinta, dalam komuniti, berkongsi persekutuan itu dengan kita semua," katanya sambil mengajak kaum muda untuk merenungkan hubungan mereka dalam Gereja serta komuniti.

Kuasa iman dan komuniti

Bapa Suci mengakui cabaran yang dihadapi oleh golongan muda hari ini, terutamanya selepas pandemik COVID-19.

Namun, Sri Paus Leo menggalakkan mereka untuk membuka hati kepada kehadiran Tuhan, "kepada kerinduan untuk cinta dalam hidup kita, untuk mencari cara agar kita dapat melakukan sesuatu



Persahabatan dan kesatuan bawa penyembuhan

dengan kehidupan kita sendiri untuk melayani orang lain."

Prelatus itu menekankan kuasa penyembuhan iman dan komuniti, serta menggalakkan golongan muda untuk mencari persahabatan, saling memberi sokongan dan meneruskan misi untuk mewartakan Yesus di paroki dan kejiranan mereka.

"Dengan bersatu sebagai sahabat kita boleh menemui bahawa rahmat dan kasih

Tuhan benar-benar dapat menyembuhkan kita," katanya.

Sri Paus Leo tidak lupa menyelitkan kata-kata terkenal Sto Augustinus tentang 'hati yang gelisah' yang menunjukkan hati mereka sedang mencari makna tanda kehidupan rohani yang subur dan bukannya sesuatu yang membebaskan mereka.

"Kita tidak seharusnya gelisah untuk memadamkan 'kegelisahan' rohani itu

sebaliknya membuka hati serta menerima bahawa Tuhan boleh bekerja melalui hidup kita."

'Golongan muda,' tegas Sri Paus Leo, "anda dipanggil untuk menjadi agen keamanan dan perpaduan. Dunia memandang anda untuk mengumunkan pesan harapan sebenar dan mempromosikan keamanan," katanya. **Media Vatikan**

Berita singkat antarabangsa

Sri Paus kirim telegram untuk mangsa bom bunuh diri

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV mengirim telegram pada Jun 24, untuk menyatakan ucapan takziah yang mendalam kepada mereka yang kehilangan orang tersayang dalam serangan pengebom bunuh diri di paroki Sto Elias di Damsyik, Syria.

Mesej itu, yang ditandatangani oleh Setiausaha Negara Vatikan Kardinal Pietro Parolin, menyatakan bahawa Sri Paus “amat sedih setelah mengetahui tentang kehilangan nyawa dan kemusnahan yang disebabkan oleh serangan ke atas Gereja Ortodoks Yunani Mar Elias.”

Prelatus menyatakan solidariti sepenuh hati dengan semua yang terjejas oleh tragedi tersebut.

Dalam mengenang mereka yang telah dibunuh, Bapa Suci mengangkat “jiwa-jiwa yang telah meninggal kepada belas kasihan Tuhan kita yang di syurga” dan melanjutkan doanya “untuk mereka yang meratapi kehilangan mereka, untuk pemulihan yang cedera, dan memohon hadiah-hadiah Tuhan yang Maha Kuasa untuk penghiburan, penyembuhan dan keamanan di kalangan bangsa.” **Media Vatikan**

Bom bunuh diri ragut 30 nyawa umat Gereja Ortodoks Yunani

DAMSYIK, Syria: serangan bunuh diri yang mematikan melanda sebuah Gereja Ortodoks Yunani di Damsyik pada Jun 22 telah membunuh sekurang-kurangnya 30 orang dan mencederakan 90 yang lain semasa Misa malam.

Serangan itu menyasarkan Gereja St Elias di Douweila, sebuah kompleks biara yang dibina pada tahun 1990 yang juga berfungsi sebagai sekolah dan asrama untuk pelajar Kristian.

Menurut sumber tempatan yang dipetik oleh Agensi Berita *Fides* penembak melepaskan tembakan dari luar sebelum dua pengebom berani mati memasuki melalui pintu belakang dan meletupkan tali pinggang letupan berhampiran altar.

Patriarkat Ortodoks Yunani Antioch, yang diketuai oleh

Patriark Yohanna X, menyatakan kesedihan yang mendalam atas serangan tersebut, yang berlaku pada hari Gereja memperingati semua orang kudus Antioch. Patriarkat tersebut menggambarkan mangsa sebagai martir dan menyeru pihak berkuasa Syria untuk melindungi tempat ibadat dan semua warganya.

Sumber diplomatik di Damsyik menggambarkan serangan itu sebagai menakutkan tetapi tidak mengejutkan, dengan menyebut keadaan keselamatan yang semakin merosot.

Sumber tersebut memberi amaran bahawa penganut Kristian—seperti minoriti agama lain—semakin terdedah dan diabaikan oleh kerajaan Syria dan masyarakat antarabangsa.

LICAS News

Uskup Kemboja ajak umat teladani kebajikan Beato Carlo Acutis

SIHANOUKVILLE, Kemboja: Uskup Olivier Schmitthaeusler, Vikaris Apostolik Phnom Penh, menyeru umat Katolik Kemboja untuk meneladani iman dan kebajikan Beato Carlo Acutis semasa perayaan ulang tahun ke-60 Paroki Sto Michael di Sihanoukville awal bulan lalu.

Acara tersebut merayakan pemberkatan meriah sebuah altar baharu di mana relik Berkat Acutis disemadikan, menekankan pengabdian Carlo kepada Ekaristi dan berfungsi sebagai simbol pembaharuan rohani bagi Gereja tempatan.

Uskup itu mengajak umat untuk merenungkan kehidupan pemuda Itali yang meninggal pada tahun 2006 dan dibeatifikasi pada tahun 2020. Prelatus itu menekankan lima kebajikan dari kehidupan Carlo yang harus dicontohi oleh setiap penganut Katolik seperti pengabdian harian kepada Ekaristi kerana menurut Carlo, Ekaristi adalah jalan ke syurga.

Uskup Oliver juga menggalakkan golongan muda untuk menggunakan Internet bagi tujuan penginjilan seperti Carlo Acutis. **LICAS News**

CBCJ komited hapus senjata nuklear

TOKYO: Uskup Katolik di Jepun mendesak penghapusan sepenuhnya senjata nuklear, mengingatkan dunia tentang pengalaman maut para mangsa pengeboman atom di negara mereka.

Konferensi Uskup Katolik Jepun (CBCJ) mengisytiharkan “komitmen kuat mereka untuk penghapusan senjata nuklear” dalam satu kenyataan yang diterbitkan di laman web konferensi uskup pada Jun 20.

Para uskup berkata bahawa “komitmen kuat” mereka terhadap penghapusan senjata nuklear berpunca daripada fakta bahawa mereka adalah “satu-satunya uskup dari sebuah negara yang telah mengalami pengeboman atom dalam perang.” Mereka menekankan bahawa

mereka “dalam hati mereka, terukir sejarah berat dan kesakitan mendalam yang telah dialami oleh mangsa bom atom dan warga Hiroshima serta Nagasaki.”

Para uskup mengeluarkan kenyataan itu ketika Jepun sempena ulang tahun ke-80 peringatan pengeboman atom di Hiroshima dan Nagasaki.

Bom atom yang meletup di Hiroshima pada Ogos 6, 1945, menyebabkan anggaran 140,000 kematian, manakala tiga hari kemudian, pada Ogos 9, satu lagi bom atom meletup di Nagasaki, membunuh anggaran 74,000 orang.

Kesan letupan bom atom terhadap mangsa yang terselamat berlarutan selama beberapa dekad dan merentasi generasi. **ucanews.com**



Paderi sukacita ...

ROMA: Sebagai sebahagian daripada acara Jubli Seminarian dan Paderi, Dikasteri untuk Klerus telah menganjurkan sebuah program untuk memupuk pertemuan, refleksi dan perkongsian di bawah tema “Aku Telah Memanggil Kamu Sahabat” (Yoh 15:15), yang dihadiri oleh Sri Paus Leo XIV.

Pada Jubli Seminarian dan Para Paderi, Dikasteri untuk Klerus mempromosikan perhimpunan antarabangsa bertema “Paderi Sukacita — Aku Telah Memanggil Kamu Sahabat” (Yoh 15:15).

Pertemuan yang dihadiri oleh Sri Paus Leo XIV, adalah khusus untuk semua yang terlibat dalam pelayanan panggilan (*vocation*) dan pembentukan seminarian. Ia berlangsung pada petang Jun 26, di Auditorium Conciliazione berhampiran Vatikan.

Diambil dari Injil Yohanes — “Aku telah memanggil kamu sahabat” (Yoh 15:15) — tema ini menekankan inti dari panggilan imam: persahabatan dengan Kristus Gembala yang Baik dan pelayanan yang penuh sukacita kepada umat Tuhan.

Ia adalah panggilan untuk menemui dan memenuhi undangan Sang Guru, yang di atas segalanya

adalah panggilan kepada kebahagiaan.

Doa, perkongsian dan kesaksian

Pertemuan dibuka dengan saat doa dan ucapan alu-aluan daripada Kardinal Lazzaro You Heung-sik, Prefek Dikasteri untuk Klerus.

Sesi pertama menampilkan lima contoh penting pelayanan panggilan yang memberikan pandangan global tentang amalan terbaik.

Antaranya ialah Fr Michele Gianola, Pengarah Pejabat Kebangsaan untuk Pelayanan Panggilan yang berbicara tentang pelbagai dimensi jangkauan panggilan di Itali.

Dari Argentina, salah seorang pembicara iaitu Dr María Lía Zervino berkongsi pengalaman pelayanan misi belia yang boleh mempromosi panggilan imam, hidup bakti dan perkahwinan Kristian.

Seorang penyampai sesi dari Ireland, Dr Maura Murphy, Pengarah Umum dan pengasas bersama Misi Keluarga Suci, menyampaikan kesaksian tentang pembaharuan panggilan yang mengejutkan, didorong oleh golongan muda sendiri: dari serendah 12

orang seminarian kini Ireland mempunyai lebih 35 orang seminarian.

Ucapan Sri Paus

Di tengah-tengah acara “Para Paderi yang Bersukacita”, Sri Paus Leo XIV, meluangkan masa untuk mendengar dan merenung tentang makna panggilan imam hari ini — keindahannya, panggilan kekudusan, panggilan untuk hidup berkumuniti dan persekutuan dalam kehidupan harian pelayanan.

Bahagian kedua perhimpunan ini memberi tumpuan kepada lima model teladan dalam pembentukan seminarial awal:

Salah satu model tersebut iaitu dari Afrika yang mencadangkan pembentukan di seminarial harus berasaskan komuniti serta penglibatan kerja manual terutamanya di kawasan yang miskin.

Dari Filipina pula, memperlihatkan model “Seminarial Konsepsi Tak Bernoda” yang terdapat di Malolos. Ia terkenal kerana mempromosikan pembentukan integral, partisipatif dan berasaskan misi yang berkait rapat dengan komuniti Gereja pada peringkat akar umbi. **Media Vatikan**

Para seminarian diseru lihat masa hadapan melalui mata kenabian

VATIKAN: Para seminarian yang datang ke Roma untuk Jubli, bukan sahaja sebagai pelancong, tetapi saksi harapan, yang “menyemarakkan api harapan dalam kehidupan Gereja”, kata Sri Paus Leo pada pagi Jun 24 lalu.

Sri Paus Leo memberitahu para seminarian yang berhimpun di Basilika Sto Petrus bahawa mereka dipanggil untuk menjadi saksi “terhadap rasa syukur dan kemurahan hati Kristus, terhadap kegembiraan dan sukacita, kelembutan dan belas kasihan Hati-Nya, untuk mengamalkan gaya sambutan dan kedekatan, pelayanan yang murah hati dan tidak mementingkan diri sendiri, membenarkan Roh Kudus untuk ‘mengurapi’ kemanusiaan mereka sebelum pentahbisan.”

Belajar untuk mencintai seperti Yesus mencintai

Bapa Suci juga menekankan kepentingan pembentukan yang “berpusat pada hati”, untuk be-

lajar “mencintai seperti Yesus mencintai”.

Ini mesti dilakukan melalui pengembangan kehidupan dalaman, karya pertama penilaian, dan melibatkan kembali ke hati, di mana kita menemui “jejak Tuhan” dan di mana Tuhan bercakap kepada kita.

Sri Paus Leo berkata bahawa pembentukan kehidupan dalaman melibatkan pengiktirafan sentimen terdalam hati, “yang membantu anda menemui arah kehidupan anda.”

Prelatus itu menyatakan bahawa “jalan istimewa” yang membawa kepada kehidupan dalaman adalah doa, kerana tanpa pertemuan dengan Tuhan, kita tidak dapat mengenali diri kita dengan sebenar.”

Bapa Suci Leo mengajak para seminarial agar sering memanggil Roh Kudus, “agar Dia dapat membentuk dalam diri anda hati yang patuh, mampu merasakan kehadiran Tuhan dalam alam,

seni, sastera, muzik, dan sains.

“Yang paling utama,” kata Sri Paus Leo, “belajarlah untuk mendengar, seperti yang dilakukan oleh Yesus, mendengar jeritan yang terpercil daripada orang miskin dan yang tertindas, serta dari banyak orang, terutama orang muda, yang mencari makna dalam hidup mereka.”

Bapa Suci juga menyeru para seminarial untuk belajar memelihara dan merenungkan peristiwa-peristiwa dalam hidup mereka, seperti yang dilakukan oleh Maria, untuk mempelajari “seni penilaian”.

Akhirnya, Paus Leo mengajak seminarial untuk menjadi lemah lembut dan rendah hati, seperti Yesus.

Tugas para seminarial, ialah “tidak pernah berpuas hati dengan apa yang kurang sebaliknya bersemangat tentang kehidupan imam, hidup pada masa kini dan melihat masa hadapan dengan hati seorang nabi.” **Media Vatikan**



VATIKAN: Semasa Audiens Umum mingguan, Sri Paus Leo XIV menyampaikan renungan tentang kisah orang lumpuh di kolam Betesda, dan memberi peringatan kepada umat agar tidak menjadi "kecewa dan jatuh ke dalam keputusan rohani."

Kemudian, dalam katekesisnya, prelatus itu memberi renungan tema Jubli "Yesus Kristus Harapan Kita," dengan memberi tumpuan kepada Yesus sebagai penyembuh.

Bapa Suci Leo mengajak semua umat beriman untuk "merenungkan saat-saat ketika kita merasa 'terjebak' dan terperangkap dalam jalan buntu."

Beliau menjelaskan bahawa apabila harapan kelihatan tidak berguna dan ingin menyerah – ini merupakan gambaran 'kelumpuhan' dalam Injil.

Sebagai contoh, kisah Yesus menyembuhkan orang lumpuh di kolam Betesda.

Jangan terperangkap dalam keputusan

Apabila Yesus tiba di Yerusalem untuk perayaan Yahudi, Dia membuat hentian pertamanya di sebuah pintu gerbang dan bukannya di rumah ibadat.

Pintu gerbang ini ialah tempat di mana semua orang yang mengharapkan keajaiban akan menunggu untuk bergegas ke kolam yang dipercayai mempunyai kuasa penyembuhan.

Tetapi keadaan pada ketika itu tidak menyenangkan kerana terdapat "pergelutan dalam kalangan orang miskin." Orang ramai tolak menolak, menghimpit, dan cuba masuk ke dalam air terlebih dahulu.

Sri Paus Leo menjelaskan bahawa Betesda bermaksud "rumah belas kasihan"—yang boleh mencerminkan imej Gereja, "di mana orang sakit dan miskin berkumpul dan di mana Tuhan datang untuk membawa penyembuhan dan harapan."

Tiada alasan

Yesus menemui lelaki yang telah lumpuh selama 38 tahun dan telah reda dengan nasibnya.

Kekecewaan ini, kata Sri Paus ialah keadaan yang melumpuhkan kita, kerana kita boleh "menjadi putus asa dan berisiko jatuh ke dalam keputusan rohani."

Soalan yang timbul adalah: "Adakah anda mahu sembuh? Sama seperti lelaki lumpuh dalam Injil, kita boleh terjebak untuk berputus asa" dan "keinginan untuk sembuh boleh pudar."

Kita boleh menjadi selesa dengan penyakit kita dan bergantung kepada orang lain untuk menjaga kita. Sri Paus Leo memberi

amaran agar tidak membiarkan ini "menjadi alasan untuk mengelak membuat keputusan tentang hidup kita."

Sahutan lelaki lumpuh itu kepada Yesus menunjukkan bagaimana lelaki itu memilih untuk melihat kehidupan.

Bagaimanapun lelaki lumpuh itu sempat merungut kerana tiada siapa yang membantunya untuk masuk ke kolam, "jadi kesalahan tidak diletakkan pada dirinya tetapi pada orang lain yang tidak membantunya."

Maka Sri Paus Leo mengajukan soalan, "Adakah benar bahawa tiada siapa yang membantunya?"

Prelatus itu mengenang bapa rohaninya, Sto Augustinus yang menekankan bahawa orang lumpuh itu memerlukan bukan sahaja bantuan tetapi "juga bantuan daripada orang lain dan Tuhan."

Tulis cerita anda sendiri

Yesus membantu lelaki itu mengubah pandangannya tentang kehidupan dari fatalistik — bahawa perkara-perkara berlaku hanya kerana nasib buruk — kepada tanggungjawab peribadi.

Tilamnya lelaki lumpuh itu simbol penyakit dan sejarah peribadinya yang lalu. Namun, sekarang, lelaki itu mempunyai kemampuan untuk berjalan dan pemikiran untuk menulis kisahnya sendiri.

Pada akhir audiens, Sri Paus Leo XIV menggalakkan semua orang untuk meminta Tuhan memberikan rahmat untuk mengenali di mana kita telah "terperangkap" dan suarakan keinginan kita untuk sembuh!

Media Vatikan

Jus rohani untuk jiwa

Kadang-kadang sukar untuk mengenali gerakan Roh Kudus dalam hidup kita. Ini boleh disebabkan oleh keadaan rohani kita yang mungkin tidak pernah diajar bagaimana untuk mengenal pasti tindakan Roh Kudus.

Roh Kudus boleh bertindak dalam diri kita dengan pelbagai cara. Marilah kita belajar daripada orang-orang kudus bagaimana mereka mengenali gerakan khusus Roh Kudus.

Ringan, sangat ringan

Sto Cyril dari Yerusalem menjelaskan tentang mengenal pasti gerakan Roh Kudus dalam panduan kateketikal yang ditulisnya: panduan kateketik yang ditulisnya yang termasuk dalam Panduan Bacaan:

Katanya, "Roh datang dengan lembut dan memperkenalkan dirinya melalui harumannya. Dia tidak dirasakan sebagai beban, kerana dia ringan, sangat ringan. Ia mengalirkan cahaya dan pengetahuan ketika Ia datang kepada kita."

Dari sudut pandang Sto Cyril, Roh Kudus adalah satu yang tidak menjatuhkan kita sebaliknya mengangkat kita. Roh Kudus adalah seperti angin, berhembus lembut melalui jiwa kita.

Sto Cyril juga menerangkan bagaimana Roh Kudus adalah seorang sahabat:

Roh datang dengan kelembutan seorang sahabat sejati dan pelindung untuk menyelamatkan, menyembuhkan, mengajar, memberi nasihat, menguatkan, dan menghiburkan.

Roh datang untuk menerangi minda terlebih dahulu kepada mereka yang me-



Bagaimana saya tahu Roh Kudus bekerja dalam diri saya?

nerimanya, dan kemudian, melalui mereka, menerangi minda orang lain juga.

Ini sepadan dengan nama Roh Kudus sebagai, "Penasihat," yang berada di sisi kita dan ingin melihat kita berjaya dalam apa jua kebaikan yang kita lakukan di bumi.

Sto Cyril menambah bahawa beliau juga percaya bahawa Roh Kudus adalah kuasa yang memberi kejelasan kepada pemikiran seseorang:

Seperti cahaya menyinari mata seorang lelaki yang keluar dari kegelapan ke dalam cahaya matahari dan membolehkannya melihat dengan jelas perkara-perkara yang tidak dapat dilihatnya sebelum ini, begitu juga cahaya memenuhi jiwa lelaki yang dianggap layak menerima Roh Kudus dan membolehkannya melihat

perkara-perkara di luar jangkauan penglihatan manusia, perkara-perkara yang sebelum ini tidak pernah terlintas di fikiran.

Jika anda pernah merasakan kehangatan inspirasi Roh Kudus, ia selalunya disertai dengan kedamaian dan kejelasan.

Ini tidak bermakna anda tidak akan terdedah kepada pengaruh luar, atau bahawa syaitan tidak akan cuba menjatuhkan anda ke dalam keputusan, tetapi apabila anda merasakan kelembutan itu dalam jiwa anda, anda boleh pasti ia adalah Roh Kudus.

Seperti semua perkara, pastikan untuk membawa pengalaman ini kepada penasihat rohani yang anda percayai bagi membantu anda meneliti tindakan Roh Kudus dengan lebih lanjut. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Trauma perang

Baru-baru ini, kumpulan *WhatsApp* alumni saya 'kecoh' dengan berita mantan profesor kami terperangkap di Iran akibat peperangan 40 tahun lalu, kembali tercutus.

Syukur atas pertolongan Tuhan, dia dan suaminya selamat kembali ke Malaysia pada Jun 23 lalu bersama 24 lagi rakyat Malaysia.

Menurut ceritanya, keadaan amat mencemaskan di Iran ketika itu apabila dia dan suaminya cuba keluar dari Iran, tetapi semua lapangan kapal terbang telah ditutup.

Profesor saya seorang rakyat Malaysia, berkahwin dengan rakyat Iran, menyambut Hari Raya Korban di situ. Siapa sangka, ketika berada di situ, peperangan tercutus, trauma 40 tahun lalu belum hilang, kini terpaksa menghadapi satu lagi siri peperangan ngeri yang entah bila akan berakhir.

Untuk menyelamatkan diri juga tidak mudah. Profesor dan suaminya, yang dalam usia lebih 70 tahun, terpaksa menempuh perjalanan panjang untuk ke bandar yang lain agar tiba di Kedutaan Malaysia.

Sepanjang perjalanan itu, profesor saya tidak dapat melupakan ramai orang yang panik. Suasana huru-hara dan tangisan memilukan kedengaran di sana sini.

Ini juga mengingatkan saya akan seruan Sri Paus Leo XIV yang menuntut tanggungjawab dan akal budi.

"Tanggungjawab dan akal budi tidak boleh tenggelam oleh senjata atau kata-kata retorik yang menghasut konflik."

Mengenai perang di Iran, Bapa Suci Leo mendesak setiap anggota komuniti antarabangsa untuk mengambil tanggungjawab moral mereka bagi "menghentikan tragedi perang sebelum ia menjadi jurang yang tidak dapat diperbaiki."

"Perang tidak menyelesaikan masalah. Sebaliknya, ia memperbesarkan masalah-masalah tersebut dan menyebabkan luka mendalam dalam sejarah bangsa—luka yang mengambil generasi untuk sembuh. Kemenangan tentera tidak akan dapat menggantikan kesakitan seorang ibu, ketakutan seorang anak atau masa depan yang dicuri.

"Biarkan negara membentuk masa depan mereka dengan karya-karya keamanan, bukan melalui keganasan dan konflik berdarah!" tegas Sri Paus Leo XIV.

Selain itu, Sri Paus Leo turut menggesa doa untuk keamanan di Myanmar, Ukraine, Timor Tengah dan di seluruh dunia.

Kita masih boleh berbangga dengan negara kita yang aman dan hidup harmoni dengan masyarakat pelbagai kaum serta agama. Tetapi jangan mengambil kesempatan atas keamanan ini untuk leka dan bersikap acuh tidak acuh terhadap penderitaan orang-orang di negara-negara yang berkonflik.

Segala-galanya boleh hilang dengan peperangan. Sebagai Katolik, mari kita mulakan keamanan daripada diri kita sendiri.

Mendiang Sri Paus Fransiskus telah memberi kita teladan bagaimana menjadi agen keamanan dan tindakan yang wajar. Tidak perlu menunggu Bapa Suci atau paderi paroki kita untuk mengumumkan hari berpuasa dan doa untuk negara-negara berperang. Kita boleh memulakannya sendiri!

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau WhatsApp: 011-26391498



Untuk Pembentukan Dalam Pendalaman Kerasulan:
Marilah kita berdoa agar kita dapat belajar lagi untuk memahami, mengetahui cara memilih jalan kehidupan dan menolak segala sesuatu yang membawa kita menjauhi Kristus dan Injil.

SANDAKAN: Pada 31 Mei sehingga 2 Jun 2025, Perhimpunan Pastoral Keuskupan Sandakan menumpukan salah satu dari empat keprihatinan sosial menuju Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 iaitu Keluarga.

Seramai 150 delegasi telah hadir termasuk ahli-ahli Tim Fokus Keuskupan Sandakan, Tim Penganjur (Lokal) dan seorang penyampai sesi.

Hari pertama dimulakan dengan Pentakhtaan Alkitab yang dipimpin oleh Fr Mitchelly Kiun diikuti dengan sesi Orentasi dan 'Expectation Check'.

Ini diikuti dengan Misa pembukaan dan Adorasi sebagai persiapan rohani para peserta untuk sesi pembentukan pada hari esok.

Hari kedua dikendalikan oleh Fr Dr Clarence Devadass dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Fr Clarence menyampaikan sesi-sesi bertema pembaptisan dan misi atas tiga sebab berikut:

- Bagi memperdalam pemahaman tentang identiti pembaptisan dan tanggungjawab mereka,
- Menggalakkan pembaharuan komitmen sebagai orang yang dibaptis untuk menjalankan misi



Keluarga, fokus Perhimpunan Pastoral Keuskupan Sandakan

mereka bagi Gereja dan dunia, dan c) Membina semangat persaudaraan dan perpaduan dalam kalangan perwakilan semasa mereka meneruskan perjalanan bersama dalam semangat sinodal.

Perhimpunan hari kedua diakhiri dengan sesi para liturgi "Dibaptis dan Diutus".

Hari ketiga diteruskan dengan mendengar laporan dari setiap paroki yang telah dikumpul, digabung dan dirumuskan oleh Tim Fokus Keuskupan, menjadikannya

sebagai laporan Keuskupan Sandakan yang berfokus kepada "Keluarga".

Laporan berdasarkan metodologi SEE – JUDGE – ACT disampaikan oleh Sdra Francis Tan.

Dalam laporan ini, dapat disimpulkan bahawa keluarga merupakan sumber kasih, sukacita dan berkat namun menghadapi cabaran dalam aspek rohani, komunikasi, kasih, moral dan sosial.

Maka antara langkah konkrit bagi mengekalkan keharmonian dan

iman dalam keluarga ialah aktiviti rohani yang berterusan, komunikasi terbuka dalam keluarga serta keseimbangan dalam penggunaan teknologi.

Fr David Garaman dari Tim Fokus Keuskupan Sandakan, turut menyampaikan sesi "Langkah Ke hadapan".

Meskipun dalam sesi pembentukan (pada hari kedua) topik utama adalah mengenai pembaptisan namun ia mempunyai kaitan rapat dengan isu keluarga khususnya pe-

ranan Gereja domestik untuk memupuk iman dalam kalangan anak-anak.

Fr David Garaman juga menyentuh tentang Perjalanan Salib dan menjemput semua paroki agar berjalan bersama-sama dengan Salib, agar dapat memperoleh kekuatan dan tujuan yang diperbaharui daripada kehadiran kekudusan-Nya.

Perhimpunan Pastoral Keuskupan Sandakan diakhiri dengan Misa Kudus penutupan yang dipimpin oleh Uskup Julius Dusin Gitom.

KEPONG: Lebih 1,000 umat beriman dari Malaysia dan luar negara berkumpul untuk retret rohani selama tiga hari bertajuk "Grace Upon Grace."

Retret itu dikendalikan oleh penginjil antarabangsa terkenal, Fr Michael Payyapilly, VC yang sedang melayani di UK. Beliau menyampaikan ajaran yang berakar pada Kitab Suci dan membimbing para peserta untuk mengalami curahan baharu rahmat Tuhan.

Pada hari pertama, beliau menumpukan tema "Kerasulan" iaitu apa sebenarnya maksud mengikut Kristus? Pada hari kedua, para peserta dibawa me-

Memperkenalkan Yesus di dunia yang penuh pancaroba

neroka kualiti hubungan mereka, agar mereka selalu menjangkau orang lain, mendengar dan prihatin kepada yang memerlukan.

Pada hari terakhir retret, Fr Michael menekankan Gereja ialah komuniti murid-murid yang hidup dan aktif. Sebagai rasul Kristus, umat menginjil melalui perbuatan kebaikan dan berbelas kasihan.

Fr Michael meninggalkan peserta dengan dua cabaran utama:

- Luangkan masa dengan Yesus dalam Sakramen Mahakudus dan biarkan Dia mengasihi dan berbicara dalam hati kita dan
- Bacalah firman Tuhan setiap hari — biarkan Kitab Suci menyuburkan jiwa dan membentuk kehidupan kita.

Retret tersebut telah meninggalkan kesan rohani yang berkekalan, menginspirasi semua yang hadir untuk membawa "rahmat demi rahmat" ke dalam kehidupan dan komuniti mereka.

Dua ribu umat hadir Kebangunan Rohani di Keningau

KENINGAU: Seminar dari STIKAS St Yohanes, Bandol Indonesia bersama para religus daripada Kongregasi Puteri Karmal (PK) dan Carmelitea Sancti Eliae(CSE), menganjurkan Kebangunan Rohani Katolik (KRK) di Dataran Solidariti Keuskupan, Keningau pada Jun 14 lalu.

Lebih dua ribu umat menyertai program yang bertujuan untuk menyediakan ruang untuk kesembuhan melalui pujian, penyembahan dan doa-doa kepada Sakramen Mahakudus.

Sekitar jam 7.00 malam, Msgr Gilbert Lasius memperkenalkan para religus dan seminar dari STIKAS St Yohanes Salib, Bandol.

Selepas sesi perkenalan, program dimulakan dengan pujian dan penyembahan. Sangat mengagumkan apabila para pemain musik seperti gitar utama, bass, keyboard dan drum dimainkan



oleh para biarawan dan biarawati. Semasa renungan Firman Tuhan yang disampaikan oleh Sr Rosemary PK, beliau mengambil tema, Tahun Jubli, iaitu "Pengharapan tidak mengecewakan" (Roma 5:5).

"Mengapa pengharapan kepada Tuhan tidak pernah mengecewakan? Kerana cabaran, penyakit mahupun kematian,

tidak ada yang dapat memisahkan kasih Tuhan terhadap kita," kata Sr Rosemary.

Selepas renungan, diadakan doa-doa kesembuhan yang dipimpin oleh para biarawan dan biarawati. Program ditutup dengan upacara penyembahan kepada Sakramen Mahakudus yang dipimpin oleh Fr Appolonius dan Fr Sharbel. **Juanis bin Marcus**



Corpus Christi dibawa keliling kampung

PAPAR: Hujan yang mencurahkan pada petang Jun 21 2025, tidak menghalang ratusan umat Katolik di enam buah kampung bagi menghormati Tubuh dan Darah Yesus sempena Hari Raya Besar Corpus Christi.

Perayaan dimulakan dengan pemberkatan dan perasmian Chapel Adorasi oleh Msgr Nicholas Stephen. Chapel Adorasi ini terletak dalam kawasan Gereja St Monica, Moindang yang merupakan di bawah jagaan paroki Holy Rosary, Limbahau, Papar.

Dalam ucapan ringkasnya, Msgr Nicholas menegaskan bahawa adorasi merupakan ruang suci untuk perjumpaan peribadi dengan Yesus dan menyeru umat agar menjadikannya tempat perteduhan rohani.

"Datanglah untuk bertemu Yesus dalam adorasi. Dalam adorasi, kamu tidak perlu pun berkata apa-apa. Biarlah Yesus yang berbicara ke dalam hati kamu," ujar beliau.

Semasa Misa Kudus, Msgr Nicholas dalam homilinya memetik Injil Yohanes 6:55-56 sebagai penegasan bahawa kehadiran Yesus dalam Ekaristi bukanlah simbol semata-mata, tetapi benar-benar nyata dan hidup, "Sesiapa makan daging-Ku dan minum

darah-Ku, ia tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia."

Hujan yang turun sejak awal petang, berhenti tiba-tiba sejujur sebelum perarakan Sakramen Mahakudus dimulakan. Cuaca berubah menjadi baik dan tenang sepanjang dua jam perarakan 'mamanau kampung' (berjalan dari kampung ke kampung), merentasi enam buah kampung di Zon Moindang — Kampung Tuntul, Kampung Gana, Kampung Manggis, Kampung Marahang, Kampung Kopimpinan dan Kampung Tanaki — sebelum kembali ke Gereja St Monica.

Dalam suasana hening penuh hormat, ratusan umat berdiri di sepanjang laluan dengan lilin menyala di tangan, menyambut kehadiran Yesus yang dibawa melintasi halaman dan kediaman mereka. Ada yang berlutut, ada pula yang mengangkat tangan memuji kebesaran Tuhan, bahkan ada mengalirkan air mata — tersentuh oleh kasih Tuhan yang hadir dan menyapa mereka, walau di ceruk kampung.

Ini merupakan kali ketiga Tubuh dan Darah Yesus dibawa mengelilingi kampung sempena Hari Raya Besar Corpus Christi di paroki Holy Rosary Limbahau.